

Malaysia sokong inisiatif Jepun bincang pembangunan semula Gaza

Putrajaya: Malaysia menyokong penuh inisiatif Jepun menganjurkan persidangan mengenai kerjasama di antara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin (CEAPAD) pada Julai ini, khususnya berkaitan pembangunan semula Semenanjung Gaza, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menegaskan inisiatif itu sangat bermakna bagi Malaysia, Perdana Menteri berkata: “Dalam isu serantau, kami bersejua untuk menyokong inisiatif Jepun untuk bersama-sama memperkerusikan mesyuarat menteri pada Julai, persidangan kerjasama antara negara-negara Asia Timur untuk pembangunan Palestin”.

Menurutnya, pembangunan berkenaan khususnya berkaitan pembinaan semula Gaza dan Palestin yang sangat bermakna bagi Malaysia dan juga banyak negara lain, termasuk umat Islam di seluruh dunia.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba yang dalam lawatan rasmi ke Malaysia.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin bersama delegasi masing-masing mengadakan mesyuarat dua hala membincangkan kemajuan hubungan di antara kedua-dua negara.

Anwar berkata, Malaysia dan Jepun akan menyokong inisiatif Sekretariat ASEAN (ASEC) dan

berbincang dengan negara anggota bagi mengadakan mesyuarat serupa di Kuala Lumpur pada Sidang Kemuncak ASEAN.

Sementara itu, Ishiba berkata, Malaysia antara negara memiliki penduduk Islam terbesar dan berperanan sebagai jambatan penghubung di antara Asia Tenggara dan Asia Barat.

“Berkaitan situasi di Asia Barat, termasuk situasi di Gaza dan bagi memanfaatkan pengetahuan Asia Barat untuk mencapai kebebasan ekonomi di rantau berkenaan, kami bersejua untuk bekerjasama demi keamanan dan kestabilan serantau,” katanya.